

# MITEC contoh projek berjaya, pacu industri MICE negara

**Kuala Lumpur:** Pusat Dagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC) bernilai RM628 juta adalah antara contoh projek penting dibangunkan menepati bajet dan tempoh pelaksanaan, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, MITEC menjadi contoh kepada projek lain yang akan turut dibangunkan dalam projek KL Metropolis, pembangunan bercampur berimpak tinggi bernilai RM20 bilion di Persiaran Dutamas.

Beliau turut menyifatkan bangunan MITEC yang tersergam indah sebagai satu ikon kejayaan syarikat Bumiputera yang membanggakan.

## Contoh kejayaan

"MITEC adalah satu lagi contoh kejayaan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat negara ini dan tidak masuk akal apabila ada pihak mendakwa ekonomi kita gagal seperti tohmahan pembangkang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika

berucap pada majlis penyerahan bangunan MITEC kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) di Bangunan MITEC, Jalan Duta, di sini, malam tadi.

Yang hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar serta Pengerusi Eksekutif Bersama Kumpulan Naza, SM Nasarudin SM Nasimuddin.

Projek dibangunkan Naza TTDI Sdn Bhd itu, mengambil masa empat tahun tiga bulan untuk disiapkan.

Najib berkata, dengan kewujudan MITEC, sektor MICE (mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran) yang sedang berkembang pesat di negara ini dijangka terus mengukuhkan kedudukan Kuala Lumpur menjadi satu daripada lima bandar raya paling kerap dikunjungi menjelang 2020.

[FOTO HAFIZ SOHAIMI/BH]



**Bangunan MITEC di Jalan Dutamas 2 jadi ikon** kejayaan syarikat Bumiputera.